

## Tahap Literasi Dalam Bahasa Inggeris Di Kalangan Belia Di Institut Belia Kebangsaan

Koo, Yew Lie

[kooyl@ukm.my](mailto:kooyl@ukm.my)

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Hazita Azman

[hazita@ukm.my](mailto:hazita@ukm.my)

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

Kertas ini melaporkan dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas belia Malaysia di satu Institut Latihan Vokasional. Maupun matlamat keseluruhan kajian adalah untuk mengkaji tahap kompetensi bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dan kemahiran literasi belia berbandingkan dengan kemahiran literasi yang diperlukan bagi menangani cabaran abad ke 21, skop artikel ini hanya tertumpu kepada pengajaran Bahasa Inggeris di institut vokasional berkenaan sebagai satu kes kajian. Ianya mengkaji sejauh mana kurikulum Bahasa Inggeris menyediakan belia vokasional supaya berdaya saing dalam penggunaan Bahasa Inggeris di era global ini, dan menunjukkan perbezaan antara tahap dan jenis kemahiran literasi bahasa yang dilatih dengan keperluan kemahiran yang diperlukan untuk kebolehpasaran. Peserta kajian merupakan belia yang telah gagal menyambung pendidikan di institusi pengajian tinggi awam, sebaliknya telah memasuki program latihan kemahiran anjuran pihak kerajaan di Institut Latihan Vokasional Malaysia. Data kajian telah dikumpul melalui soal selidik, temuduga dan analisis dokumen atau isian. Dapatan kajian keseluruhannya pula menunjukkan bahawa golongan belia yang dikaji tidak memperolehi kemahiran berbahasa Inggeris dan kemahiran berkomunikasi bagi mengakses dan menganalisa makluman ditahap yang diperlukan dalam era ICT dan global kerana mereka kurang menguasai kompetensi linguistik dan komunikasi. Tambah lagi, dapatan menunjukkan mereka tidak menguasai kemahiran literasi kritikal yang diperlukan bagi mengakses makluman secara bermakna dan berkesan yang boleh menjadikan mereka lebih berdaya saing. Kebanyakan daripada belia kajian menyatakan bahawa mereka berasa terasing dalam aspek intellektual, sosial dan budaya kerana tidak dapat mengamati ilmu serta kemahiran yang diperlukan, termasuk kompetensi linguistik, penggunaan bahasa, isian yang relevan dan jenis kemahiran literasi kritikal. Berdasarkan dapatan ini, suatu rombakan semula kepada silibus Bahasa Inggeris dalam program vokasional ini disarankan dengan memperkenalkan kurikulum literasi Bahasa Inggeris yang berkerangkakan pendekatan pedagogi refleksif dan berorientasikan pembelajaran pluriliterasi.

**Katakunci:** literasi golongan belia, pendidikan Vokasional di Malaysia, kompetensi Bahasa Inggeris, kemahiran literasi abad ke-21

## **The English Language Literacies Of Young Adults Of A National Youth Institute In Malaysia**

### **Abstract**

This paper reports the research findings carried out on Malaysian youths at a Vocational Training Institute. While the overarching aim of the study was to investigate the youths' level of English language competencies and their literacy skills in relation to the required competencies for the 21st century, the scope of this paper highlights the case study of the teaching of English language skills at the vocational institute. It examines the extent to which the English language curriculum prepares the youths for English language use in the competitive and globalized era, and highlights the disparity between the level and type of language skills that they are taught with those that they need and should exit with for employability. The participants in this study were school leavers who had not been able to gain entry into public institutions of higher learning but had obtained entry to the government run skills training programme instead at the Institute of Skills and Vocational Training Malaysia. Data was collated through a questionnaire, interviews and document or content analysis. The findings indicated that the youth have not acquired or mastered the necessary English language and communicational skills, required for accessing and analysing information in the ICT and global era as they mainly lacked in linguistic and communicative competencies. Additionally, the findings indicated that they do not possess the needed critical literacy to access information in a meaningful and effective way for better paying jobs. Majority of the youth pointed out that they feel intellectually, socially and culturally marginalized as the content and skills taught to them lack in terms of linguistic needs, language use needs, content relevance and types of critical literacy skills. Based on these findings the paper advocates for a revision of the current English language for vocational purposes syllabus and instead introduces an English literacy curriculum that is based on the reflexive pedagogic approach framed from within a pluriliteracy view of learning.

**Keywords:** youth literacy, vocational education in Malaysia, English language competency, 21st century literacy skills.

## Pendahuluan

Ledakan era globalisasi abad ke 21 ini telah membawa cabaran literasi bahasa dan komunikasi kepada sebuah negara membangun seperti Malaysia secara mendadak. Impak cabaran ini adalah paling ketara bagi matlamat pembangunan sumber manusia dan kebolehpasaran generasi muda tempatan. Tuntutan literasi era abad ke 21 terkini termasuklah penguasaan tahap kemahiran untuk menggunakan, memahami, menganalisis, dan menghurai maklumat khususnya dalam bahasa Inggeris. Di samping itu kemahiran penggunaan teknologi maklumat seperti cekap mencari maklumat daripada pelbagai sumber, khasnya dari sistem atas talian dan kemampuan untuk menyampaikan maklumat yang telah digubal dalam bentuk multimodal dengan berkesan, juga dituntut. Dalam pada itu masyarakat abad ke 21 perlu berupaya berfikir secara kritis, berdikari, serta dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi ditahap lokal dan global (P21, 2004). Lantas ianya tidak boleh dinafikan lagi bahawa tuntutan ekonomi dalam era globalisasi kini memerlukan golongan generasi muda masakini supaya sedar bahawa mereka harus memperoleh ilmu dan kompetensi yang melebihi tahap konvensional untuk mengatasi cabaran abad baru kini dan terus mengecapi perubahan demi mencapai matlamat visi pembangunan negara. Sesuai dengan matlamat pembangunan negara, belia sebagai pelapis generasi baru perlu dipersiagakan untuk mengharungi perubahan ini. Daripada jumlah penduduk pada tahun 2005, sebanyak 11.10 juta (42.5%) terdiri daripada golongan belia, meningkat berbanding pada tahun 2000 jumlah adalah sebanyak 9.85 juta. Dijangka pada tahun 2010, bilangan belia akan meningkat kepada 11.65 juta. Peningkatan ini adalah anggaran daripada kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 1.6% iaitu jangkaan daripada tahun 2006 hingga 2010 (Unit Jabatan Ekonomi 2006). Dalam pada itu bilangan keseluruhan para belia yang diambil bekerja pada 2005 ialah 6.67 juta atau 60.3 peratus populasi jumlah belia.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, 2006) mentafsirkan belia terdiri daripada mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun. Pertubuhan Komanwel di Mesyuarat Menteri-Menteri Belia Komanwel (2003) yang menganjurkan program belia pula mengkategorikan belia bagi mereka yang berumur antara 15 hingga 29 tahun. Manakala Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) mentakrifkan belia adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Bagi kajian ini kategori belia yang dikaji mengambil takrifan PBB, tetapi adalah dari umur 18 hingga 25 kerana melibatkan belia lepasan sekolah menengah, sejajar dengan had umur program latihan kemahiran belia di Malaysia.

Dalam pada itu, Kementerian Belia dan Sukan, bersesuaian dengan Polisi Pembangunan Belia Kebangsaan, yang bertanggungjawab terhadap Program Latihan Kemahiran Belia, bertindak sebagai agensi untuk menghasilkan para belia Malaysia yang mahir dan separa mahir bagi memenuhi keperluan sumber manusia pelbagai sektor. Kementerian melalui program latihan membekalkan ilmu serta latihan vokasional dan peluang pekerjaan yang merangkumi pelbagai bidang kepada para lepasan sekolah berumur diantara 18 hingga 25 tahun, khususnya sektor perindustrian kebangsaan. Sejumlah 16 buah Institusi Kemahiran Belia Kebangsaan (National Youth Skills Institute, NYSI) wujud diseluruh Malaysia masa kini. Selaku agensi latihan vokasional, adalah lebih mustahak dan genting

program-program yang ditawarkan dapat melengkapkan para belia dengan literasi vokasional yang akan menjadikan mereka lebih relevan dan berdaya saing dipasaran antarabangsa masa kini. Pada masa yang sama, program-program yang dijalankan harus membantu menyemai disiplin dan sikap berdikari, serta mempromosikan sikap bekerjasama dan lebih signifikan lagi, ianya perlu membangunkan ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti di kalangan belia (Koo Yew Lie & Hazita Azman 2006; Hazita Azman et al. 2007; Koo Yew Lie, 2007). Bertitik tolak dari keperluan ini maka artikel ini seterusnya melaporkan dapatan kajian yang menonjolkan betapa pentingnya satu penilaian semula dibuat keatas kurikulum latihan vokasional serta perlunya pendekatan pembelajaran dirombak kembali sebagai respon kepada perubahan keperluan kemahiran semasa, dan juga sebagai tanda kesedaran serta kepekaan kepada perlunya realiti sosial dan budaya masyarakat yang pluristik diambil kira dalam pembentukan dan penyampaian kurikulum latihan vokasional, khususnya bagi silibus bahasa.

## Konteks Kajian

Institut Latihan Belia Kebangsaan (ILBK), dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, menawarkan peluang untuk para belia memilih kursus-kursus kemahiran seperti mekanikal, elektrikal sehingga ke hospitaliti di enam belas institut-institut diseluruh negara. Kebanyakan institut menawarkan program-program latihan Kelayakan Kemahiran Malaysia (KKM) tahap 1 dan 2. Para lepasan pula dibenarkan untuk mengikuti tahap kelayakan yang lebih tinggi (KKM Tahap 3-5) menerusi Pusat Latihan Kemahiran Lanjutan Belia di Sepang. Pihak Kementerian telah menyenaraikan sesetengah pusat latihan sebagai pusat kecermelangan, contohnya ILBK Chembong telah dikenalpasti sebagai pusat pengajian mekanikal dan ILBK Alor Gajah sebagai pusat pengajian hospitaliti. Para pelatih diberi peluang latihan amali didalam bidang mereka sebagai persediaan untuk memenuhi piawaian dan keperluan tahap kemahiran sebagai mana yang dituntut oleh pihak Piawaian Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau NOSS (*National Occupational and Skills Standards*), sebelum dianugerahkan kelayakan kemahiran tertentu.

Dalam masa yang sama, dengan penambahan pusat-pusat latihan yang ditubuhkan oleh agensi-agensi awam dan swasta, pihak kerajaan telah ter dorong untuk meminta pihak Kementerian Sumber Manusia untuk menetapkan suatu piawaian yang setara bagi semua latihan vokasional. Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (*National Vocational Technical Certification, NVTC*) yang ditubuhkan untuk maksud ini pada 2 Mei 1989 oleh kementerian terbabit, bertanggungjawab untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti tenaga buruh, disamping menyelaraskan dengan lebih efektif aktiviti latihan yang pelbagai yang dijalankan oleh sektor awam dan swasta diseluruh negara. Maka objektif utama sidang Majlis ini ialah :

1. untuk mengukuhkan dan menyelaraskan sistem latihan kemahiran supaya menepati keperluan dan matlamat Malaysia;
2. untuk memperluaskan pembangunan latihan kemahiran dan;
3. untuk mengesahkan kelayakan kemahiran.

Langkah pertama yang diambil oleh NVTC ke arah mencapai objektif ini ialah memperbaiki sistem latihan kemahiran di Malaysia. Majlis ini telah mengkaji semula sistem Kelayakan Kemahiran Kebangsaan (MSC) dan memperkenalkan dua perubahan besar. Pertamanya, menggantikan sistem tiga peringkat dengan memperkenalkan 5 peringkat Rangka kerja Kelayakan Kemahiran Kebangsaan (*National Skills Qualification Framework*) atau Sistem Kemahiran Malaysia (SKM). Gambarajah dibawah mengandungi perincian maklumat berkenaan jenis-jenis kelayakan kemahiran berdasarkan rangka kerja tersebut:

Rajah 1: Jenis-jenis kelayakan kemahiran

Tahap	Kelayakan	Perincian
SKM Tahap 5 – Tahap Pengurusan	Diploma/Lanjutan Diploma Teknologi	<ul style="list-style-type: none"><li>• berkemahiran untuk melaksanakan prinsip-prinsip asas dan teknik-teknik yang rumit didalam semua jenis konteks.</li><li>• Berkeupayaan bekerja sendiri dan bertanggungjawab terhadap kerja-kerja subordinat dan pembahagian akauntabiliti untuk tujuan analisis dan diagnosis, pelan rekabentuk, pelaksanaan dan penilaian.</li></ul>
SKM Tahap 4 – Tahap Penyeliaan	Diploma/Diploma Teknologi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cekap dalam melaksanakan aspek teknikal yang rumit didalam skala yang besar atau melakukan aktiviti-aktiviti kerja profesional didalam konteks yang luas dan pelbagai.</li><li>• Mempunyai sikap personal seperti bertanggungjawab dan berdikari.</li><li>• Bertanggungjawab untuk kerja-kerja orang lain dan pengagihan sumber dijalankan secara berterusan.</li></ul>
SKM Tahap 3- Tahap Penyeliaan	Kemahiran Kelayakan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cekap dalam melaksanakan aspek aktiviti-aktiviti kerja didalam skala yang luas, didalam pelbagai konteks yang melibatkan situasi yang rumit dan yang bukan rutin.</li><li>• Mempunyai sikap yang bertanggungjawab dan berkeupayaan untuk mengawal atau memberi tunjuk ajar kepada yang lain, jika diperlukan.</li></ul>
SKM Tahap 2 – Tahap Pengeluaran dan Penghasilan	Kemahiran Kelayakan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cekap dalam melaksanakan aspek aktiviti-aktiviti kerja didalam skala yang luas dan didalam pelbagai konteks</li></ul>

		<ul style="list-style-type: none"><li>• melibatkan sesetengah aktiviti bukan rutin dan memerlukan sikap bertanggungjawab dan berdikari daripada individu.</li></ul>
SKM Tahap 1 – Tahap Pengeluaran dan Penghasilan	Kemahiran Kelayakan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cekap didalam melaksanakan aktiviti-aktiviti skop kerja yang luas dimana mudah dijangka dan rutin.</li></ul>

(Sumber: Kementerian Sumber Manusia, 1993)

Perubahan lain ialah melibatkan pengenalan Pendekatan Akreditasi untuk menggantikan sistem percubaan kemahiran kebangsaan. Perubahan asas melibatkan penguatkuasaan prinsip-prinsip pendidikan berasaskan kompetensi (*Competency Based Education or Learning, CBL*) didalam sistem latihan kemahiran yang bertujuan untuk memastikan Sistem Latihan Kelayakan Kebangsaan di Malaysia menjadi lebih menyeluruh, mudah, dan mesra pengguna. Pendekatan ini diharap mampu merubah latihan kemahiran daripada pendekatan berpusatkan pengajar kepada pendekatan berpusatkan pelajar. Fokus utama adalah untuk memastikan tahap kemahiran dalam pekerjaan dapat dikuasai, dan sekaligus meningkatkan tahap kebolehpercayaan dan keberkesanan latihan kemahiran di negara ini.

## Objektif Kajian

Kajian yang dilaporkan dalam artikel ini telah menilai tahap pencapaian kemahiran belia yang melalui program latihan vokasional bila dibandingkan dengan piawai yang digunakan oleh pihak Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan atau NVTC. Dalam masa yang sama penyelidikan telah membuat perbandingan kritikal antara keperluan literasi vokasional bagi abad ke 21 yang telah dikenalpasti teras global, dengan kemahiran literasi yang dilatih melalui kurikulum vokasional sedia ada. Secara khususnya, objektif dan tujuan kajian adalah seperti tersenarai berikut:

1. Menilai secara kritikal modul-modul kecekapan latihan yang di gunakan pada isi kandungan program vokasional tahap 1 dan 2. Ia termasuklah menguasai tahap kemahiran berbahasa Inggeris, dimana berkemampuan untuk menggunakan, memahami, menganalisis, dan menghurai maklumat. Di samping itu, kecekapan mencari maklumat daripada pelbagai sumber, termasuklah dari *Internet* dan berkemampuan untuk berfikir secara kritis, berdikari, dan berkomunikasi serta dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi juga dikaji.
2. Menerangkan halangan-halangan dan permasalahan utama berkaitan tahap kecekapan literasi dalam Bahasa Inggeris kumpulan sasaran. Ini juga akan mengupas kaitan mengenai tabiat-tabiat belajar, pemikiran kritis dan strategi pembelajaran seumur hidup.
3. Mengesyorkan kepada penggubal kurikulum, sekolah dan latihan vokasional pendekatan pedagogi refleksi dan pendekatan pluriliterasi sebagai implikasi dapatan kajian.

## Kerangka Teori dan Metodologi Kajian

Kajian ini dikupas dari kerangka teori postmodenisme dan sosiokonstruktivisme. Kerangka teori ini menganalisis kekompleksan dan kerumitan masalah kajian dengan mengambil kira akan hubungkait dan impak ideologi yang wujud antara konstruk-konstruk sosial, budaya dan politik dengan perlaksanaan polisi dan perancangan bahasa dalam konteks plurilingualisme atau kepelbagaiannya bahasa, dan juga perancangan pembangunan modal insan yang menyeluruh dan saksama. Menyedari akan intrikasi konteks ini adalah penting bagi memahami kerumitan didalam pembentukan dasar perancangan bahasa dan kejayaan penguasaan bahasa yang disasar tidak terletak di atas bahu guru bahasa dan pelajar yang terabit sahaja. Malah mereka hanya merupakan orang perantaraan didalam proses fenomena ini. Sebaliknya, dampak sejarah infrastruktur dan keistimewaan serta agihan kuasa adalah indikator-indikator utama bagi mengukur hala tuju dan keberkesanannya perancangan pembangunan bahasa.

Tersirat dalam konteks kajian ini adalah konsep literasi abad ke 21 yang juga perlu diperjelaskan disini. Menurut gabungan *The partnership for 21<sup>st</sup> century skills* atau P21 (2004) definisi literasi masa kini bukan sahaja bermaksud penguasaan bacaan, menulis dan aritmetik, tetapi juga penguasaan ilmu lain. Ini termasuklah keupayaan seorang pelajar untuk menguasai strategi dan kemahiran berkait dengan daya pemikiran kritis dan kreatif, serta kemahiran lain yang membentuk seorang pelajar yang berautonomi. Literasi yang dimaksudkan ini juga adalah tidak terhad kepada pemahaman teks-teks bercetak tetapi kepada melayari teks-teks media, dan menggunakan kemandirian dan kemahiran sosial untuk memenuhi setiap tuntutan bagi kepelbagian komuniti. Tahap penguasaan literasi yang perlu di perolehi belia abad 21 ini harus memberi mereka kemampuan untuk saling menggabungkan ilmu lokal dengan ilmu global, serta membuat mereka luwes dan cekap mengadaptasi bentuk pengetahuan dan cara pengkosian ilmu yang kian berubah supaya tidak terpinggir maupun ketinggalan.

Dalam pada itu dengan tumpuan terhadap golongan belia, yang berumur dalam lingkungan 18 sehingga 25 tahun (UNESCO, 2006), definisi literasi bagi kajian ini merangkumi kehidupan para belia dalam ruang-ruang yang berbeza, seperti akademik, tempat kerja dan masyarakat. Dalam tempat kerja misalnya, belia sebagai seorang pekerja, seharusnya berkeupayaan mencapai satu tahap tertentu untuk memenuhi keupayaan komunikasi bagi memenuhi tugasannya, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang berbeza dan pada masa yang sama menyelesaikan masalah antara kumpulan sosial berbeza yang terlibat.

Metodologi penyelidikan kajian merangkumi pengumpulan data melalui borang soal selidik, sesi temuduga dan analisis dokumen. Soal selidik tertumpu kepada kemahiran bahasa dan keupayaan untuk berkomunikasi serta minat para belia Malaysia. Ini termasuklah berkenaan status semasa kemahiran pembelajaran mereka dan strategi-strategi, serta pendedahan media mereka, kearifan berkomputer, tabiat membaca dan wawasan-wawasan mereka di masa depan. Kesemua elemen-elemen ini adalah berkaitan dengan tahap kesediaan mereka menangani keperluan kemahiran abad ke 21 kini. Soal selidik telah diberi kepada 200 orang para responden yang terlibat di satu institut kemahiran belia di Selangor. Bagaimanapun, hanya 160 orang responden sahaja

yang melengkapkan soal selidik tersebut, sementara hanya 6 orang sahaja yang telah bersetuju untuk ditemuduga.

Data yang dikumpul melalui soal selidik telah dianalisa menggunakan rajah frekuensi, ANOVA, *cross-tabulation* dan ujian regressi bagi mendapat gambaran nilai-nilai sosio dan perincian peribadi responden, serta bagi membentuk pelbagai hipotesis mengaitkan pembolehubah satu sama lain.

Walau pun hanya enam belia telah dengan sukarela bersetuju untuk terlibat dalam sesi temuduga data yang dikumpulkan menggambarkan keperluan kebanyakan daripada belia yang telibat dalam latihan vokasional. Ini termasuklah persepsi mereka terhadap kepentingan, peranan dan kegunaan bahasa-bahasa (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa ibunda) sebagai simbol sosio-budaya dan sosio-ekonomi.

Analisis kandungan dokumen pula telah dijalankan ke atas teks yang digunakan dalam pembelajaran bilik darjah, serta dokumen *portfolio* yang merupakan tugas yang diwajibkan dalam Kandungan Pembelajaran Vokasional. Analisis yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji proses ilmu yang dilalui pelajar melalui pengajaran silibus dan latihan yang disediakan. Analisis berpandukan model *Learning by Design* oleh Cope dan Kalantzis (2005) menilai samada modul yang disediakan membawa pelajar melalui proses mengalami (Experiencing), mengkonsepsi (Conceptualising), menganalisis (Analysing), dan mengaplikasi (Applying)—yang merupakan proses pembelajaran (*learning cycle*) yang semulajadi dan mempunyai impak berkesan.

## Dapatan Kajian

Tiga objektif utama kajian telah di selidik dan dapatan kajian yang diperolehi bagi dua objektif utama boleh di laporkan mengikut tajuk-tajuk berikut, sementara kerangka bagi objektif ketiga di perjelaskan di bahagian implikasi kajian:

1. Keperluan Bahasa Inggeris dalam kurikulum pendidikan vokasional
2. Pembangunan kemahiran penggunaan ICT
3. Kualiti pendidikan vokasional

## Keperluan Bahasa Inggeris dalam kurikulum pendidikan vokasional

Data kajian mendapati majoriti dari responden (87% atau 139 para responden) mengaku akan kepentingan mempelajari bahasa Inggeris sementara hanya 1.9% (3 para responden) sahaja yang tidak bersetuju. Dalam pada itu, berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris pula, rata-rata data dari soal selidik kepada 200 sampel kajian serta data temuduga berfokus dan individu telah mendapati bahawa para pelajar vokasional mendakwa wujudnya jurang diantara polisi yang menekankan kepada pembelajaran bahasa Inggeris dengan latihan di kelas dan bantuan yang diberikan.

Para pelajar juga mengatakan bahawa dasar pendekatan pedagogi berasaskan pembelajaran kompetensi (*CBL*) serta berfokuskan pelajar (*learner centeredness*) yang

diawarkan tidak dipraktikkan secara menyeluruh. Ini kerana stil pengajaran masih bersifat dominasi guru dan institut latihan mempraktikkan pengajaran dengan berlandaskan buku teks sahaja. Para pelajar juga meluahkan rasa kecewa berkenaan kekurangan kemudahan dan bantuan pengajaran yang diperlukan. Mereka juga berpendapat kesemua kemudahan tersebut tidak setara dengan keperluan pembelajaran diperangkat vokasional. Secara amnya mereka juga menyatakan ketidakpuasan mereka dengan pendekatan pengajaran yang tidak memberi ruang kepada mereka untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris.

Responden juga telah mengadu dalam proses temubual yang dijalankan bahawa isi kandungan kursus bahasa Inggeris tidak menepati keperluan kerjaya mahupun kemahiran teknikal yang menjadi pengkhususan mereka. Penyataan ini turut disahkan melalui analisis teks bahan pengajaran dan folio yang telah dijalankan. Dokumen yang telah dinilai merangkumi portfolio pengajaran modul setiap pelajar, menunjukkan bahawa pendekatan rancangan bahasa sepatutnya diubah menjadi lebih diskursif, dimana teks dan perantaraan berpangkalan mendorong para pelajar supaya lebih kritis dan menggalakkan penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang relevan dan berkesan. Matlamat ini memerlukan pembentukan kandungan silibus bahasa untuk kurikulum vokasional yang mengambil kira aspek-aspek vokasional, sosial dan budaya para pelajar dan selaras dengan keperluan kehidupan para pelajar didedahkan kepada komunikasi diantara media dan bahasa diluar kehidupan mereka. Kerangka seperti ini berlandaskan pendekatan pedagogi refleksif yang mengambilkira prinsip-prinsip kemahiran literasi abad ke 21 seperti berikut:

1. Merekabentuk pelbagai *variable* sebagai sumber pembelajaran- memilih yang terbaik didalam bahasa yang berbeza, mencampurkannya dengan pengalaman hidup (pelajar dan guru) dengan guru memberikan sokongan serta bantuan untuk meminimumkan jurang yang wujud.
2. Ia melibatkan pertimbangan refleksif berkenaan penggunaan bahasa yang tertentu, pertukaran kod, gaya-gaya dan register, yang mana menujukkan budaya yang pelbagai, dan penyatuan budaya-budaya yang berbeza.
3. Tidak menerima wacana arus perdana yang sebenarnya tersirat dengan pemikiran dan identiti badan tertentu secara membata tuli; sebaliknya menilai dan mempertimbangkannya secara kritikal.
4. Berwaspada dalam pemilihan politik dan pedagogi, yang mana melibatkan kepekaan kepada perspektif, etika dan ideologi yang tersirat didalam sumber pengetahuan yang tertentu dan dengan cara ianya dijelmakan.
5. Peka dan prihatin terhadap keperluan untuk mewujudkan antara muka pelbagai jenis literasi dengan mengambilkira latar bahasa yang pelbagai masyarakat plurilingual supaya fasa transisi mengecapi perubahan boleh berlaku tanpa dirasa tergugat.
6. Menekankan pembelajaran bahasa yang lebih tertumpu kepada penggunaan sebenar (*experiential*) dan untuk maksud penyelesaian masalah.
7. Interaksi antara guru dan pelajar berdasarkan perspektif peranan pelajar sebagai pengguna bahasa yang dipelajari (*author of learner language*) di mana penukaran kod (*code switching*) dan pelbagai variasi dalam bahasa Inggeris diketengahkan untuk dipertimbangkan.

8. Perspektif pedagogi yang pelbagai dinilai dan dirancang dengan mengambil ingatan akan sumber ilmu pengetahuan vernakular serta cara nilai hidup masyarakat tempatan yang akan menerimanya.
9. Latihan dalam penggunaan teknologi IT perlulah lebih sepadu dan prihatin kepada keperluan semasa pengguna secara glocal. Ini termasuklah kemahiran IT yang lebih canggih seperti pembentukan bentuk template, sistem penyimpanan fail yang efisyen, kebolehan mencari maklumat secara kritis dan sebagainya.
10. Berkemampuan untuk membina rangkaian jaringan yang luas, supaya dapat merancang dan merekabentuk secara kolaboratif dengan menggunakan sumber ilmu yang asal dan berakar umbikan prinsip dan nilai vernakular. Penjanaan ilmu seperti ini adalah jati dan boleh menyumbang kepada pangkalan ilmu baru (The New London Group, 1996; P21, 2004; Koo Yew Lei & Hazita Azman, 2006; Koo Yew Lei, 2007).

Hasil keputusan ujian hipotesis pula menunjukkan kepentingan mempelajari bahasa Inggeris dari aspek pilihan kerjaya. Analisis menunjukkan bahawa tidak kiralah sama ada para pelajar memilih untuk menjadi mekanik atau pegawai kerajaan, mereka secara amnya bersetuju dengan kepentingan bahasa Inggeris. Ini bermakna, pilihan kerjaya yang berbeza tidak mempengaruhi pandangan para pelajar berkenaan kepentingan mempelajari bahasa Inggeris. Kesemua pilihan pekerjaan menyatakan bahawa mempelajari bahasa Inggeris adalah penting.

Berasaskan dapatan kajian yang diperolehi daripada analisa data soal selidik dan temuduga dapatlah disimpulkan juga bahawa responden umumnya melihat satu jurang antara apa yang mereka pelajari dengan apa mereka fikirkan mereka patut belajar. Mereka mahukan program bahasa Inggeris yang responsif dan lebih dinamik bagi mempertingkatkan lagi kemahiran literasi bahasa Inggeris khususnya untuk dunia pekerjaan.

### **Pembangunan kemahiran penggunaan ICT**

Seterusnya, melalui soalselidik dan temubual para responden menyatakan tiada tuntutan mahupun galakan dari para guru untuk mereka membuat dan menyediakan pembentangan dengan menggunakan kemudahan ICT, walaupun kemudahan ICT ada diperolehi oleh pihak institut. Analisis kajian dan ujian hipotesis telah menunjukkan bahawa tiada perbezaan gender dalam penggunaan ICT dalam konteks pembelajaran. Hal ini bermakna perbezaan jantina para pelajar tidak mempengaruhi pandangan para pelajar berkenaan dengan kepentingan dan penggunaan ICT didalam konteks pembelajaran vokasional dan kerjaya.

Yang menarik dalam laporan keputusan dapatan kajian berkaitan dengan ICT ini adalah hubungkaitnya dengan penggunaan strategi pembelajaran secara kendiri dalam bahasa Inggeris. Ujian regresi keatas data berkenaan telah mendapati bahawa semakin kurang para pelajar yang tidak mempunyai strategi, semakin kurang mereka menggunakan ICT dalam konteks pembelajaran. Ia secara jelas menunjukkan strategi-strategi pembelajaran

secara kendiri dalam bahasa Inggeris, akan memberi kesan terhadap penggunaan ICT dalam konteks pembelajaran.

Rajah 2 di bawah menyenaraikan dapatan soalselidik yang merupakan ciri data yang lebih terperinci berkenaan dengan tahap kemahiran literasi bahasa dan komunikasi, serta kualiti dan kuantiti ilmu yang diterima melalui program latihan vokasional diinstitut kemahiran belia yang dikaji.

Rajah 2: Ringkasan dapatan utama data dari responden

<p><b>Kemahiran bahasa para pelajar</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Penggunaan minimum bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian.</li><li>2. Para pelajar dapat membaca dan memahami rujukan didalam bahasa Inggeris.</li><li>3. Para pelajar memahami bahasa percakapan dalam bahasa Inggeris, namun menghadapi masalah dalam pertuturan bahasa Inggeris (Mereka menyedari kelebihan dan kekurangan yang dimiliki dalam menggunakan bahasa Inggeris) (Mereka mudah memahami namun menghadapai masalah untuk menuturkan bahasa Inggeris semasa proses interaksi)</li></ol>
<p><b>Strategi-strategi dan amalan para pelajar</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Mereka menonton filem-filem berbahasa Inggeris</li><li>2. Mereka membaca sarikata apabila menonton filem-filem tersebut.</li><li>3. Mereka mendengar lagu-lagu Inggeris</li><li>4. Mereka menyanyi dengan berhati-hati kerana cuba mengawal pengucapan bahasa Inggeris mereka.</li></ol>
<p><b>Pandangan mengenai kepentingan mempelajari bahasa Inggeris</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Bahasa Inggeris penting semasa temuduga</li><li>2. Para pelajar inginkan aktiviti-aktiviti yang bercorak komunikasi</li><li>3. Para pelajar ingin fasih berbahasa Inggeris</li><li>4. Para pelajar gemarkan aktiviti-aktiviti berkumpulan</li></ol>
<p><b>Persekutaran didalam kelas</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Guru yang mengajar bahasa Inggeris tidak menggalakkan para pelajar mereka untuk bertutur dalam bahasa Inggeris</li><li>2. Guru bahasa Inggeris jarang bercakap menggunakan bahasa Inggeris</li><li>3. Hanya berpandukan teks – cikgu menggunakan buku teks sepanjang masa</li><li>4. Pendekatan pengajaran adalah tidak begitu menarik dan tidak efektif.</li></ol>

5. Pembelajaran secara hafalan.
6. Tugasan didalam kelas melibatkan:
  - Latihan penulisan yang berterusan berdasarkan daripada buku teks.
  - Membaca teks didalam buku teks.
  - Mengisi tempat kosong dan membaca perkataan yang terkandung didalam buku teks.
7. Kelas bahasa Inggeris dijalankan pada waktu petang. (Para pelajar mengantuk dan hilang minat). Tidak konduksif untuk para pelajar.
8. Kelas bahasa Inggeris hanya satu jam dalam seminggu.
9. Tiada sebarang aktiviti kumpulan dan pembentangan.
10. Peperiksaan akhir tidak begitu mencabar bagi para pelajar. (Mereka beranggapan bahawa peperiksaan SPM bahasa Inggeris adalah lebih sukar.).
11. Hanya terdapat satu penilaian pada setiap semester, iaitu peperiksaan akhir.

### **Persekutaran di Institusi**

1. Bahasa Inggeris tidak digunakan sebagai medium perantaraan pada kelas-kelas lain.
2. Istilah bahasa Inggeris diubah maknanya ke dalam Bahasa Melayu.
3. Bahasa Inggeris hanya digunakan apabila menggunakan komputer.
4. Komponen-komponen adalah dalam bahasa Inggeris, namun para guru menterjemah dan menjelaskan dalam Bahasa Melayu
5. Medium perantaraan adalah Bahasa Melayu.
6. Kepentingan bahasa Inggeris tidak ditekankan oleh institusi.

### **Kualiti pendidikan vokasional**

Keseluruhananya, hasil kajian telah mendapati bahawa imej dan kualiti pendidikan vokasional di Malaysia adalah kurang memberangsangkan. Dapatkan ini selaras dengan pandangan Ambigapathy (1999), Ramlee Mustapaha et al. (2003), Koo Yew Lei et al. (2007), yang turut mendapati pada umumnya, imej pendidikan vokasional dan graduan lepasan institusi vokasional tidak begitu positif. Mengikut mereka, sehingga sekarang, masih ada pihak yang berpendapat pendidikan vokasional hanya sesuai untuk golongan pelajar yang tidak mempunyai tahap akademik yang cemerlang. Malah pendidikan vokasional sering dianggap sebagai pendidikan kelas kedua yang melayakkan graduan ke perkerjaan bertaraf rendah sahaja. Gambaran ini semakin keruh dengan kenyataan bahawa golongan belia yang memilih haluan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat vokasional terdiri daripada para belia lepasan sekolah menengah yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran diinstitut pengajian tinggi. Berasaskan dapatan ini mereka mencadangkan jurang akademik dan pendidikan vokasional perlu dikurangkan melalui pelaksanaan kurikulum yang mengintegrasikan ilmu akademik dengan latihan vokasional supaya graduan vokasional bukan sahaja memperolehi kemahiran teknikal tetapi juga ciri-ciri akaliah seperti berupaya untuk berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah

secara strategik. Selaras dengan pemikiran ini, pendekatan Pluriliterasi bagi silibus bahasa seperti diperkenalkan oleh Koo Yew Lei (2007) di syorkan dalam implikasi kajian.

### **Implikasi Kajian**

Kajian ini telah menunjukkan satu keperluan untuk mengkaji rancangan vokasional diseluruh negara. Satu kajian jangka panjang yang koheren akan dapat memberi data yang kritikal untuk panduan arah dan strategi rombakan semula kurikulum vokasional supaya lebih inovatif dan relevan mengikut keperluan abad ke 21. Memandangkan kemahiran bahasa Inggeris adalah penting dalam era ini, sebagai langkah segera, kurikulum yang sistematik dan koheren beserta perancangan dan perlaksanaan yang lebih dinamik patut diadakan antara Jawatankuasa Perancangan Bahasa dan badan Vokasional di Institut Vokasional.

Ia adalah untuk memastikan bahawa ruang diantara perancangan dasar-dasar dan enakmen pembelajaran dibilik darjah dapat diselaraskan. Hasil kajian telah jelas menunjukkan bahawa terdapat jurang antara latihan dan keperluan realiti dalam silibus bahasa dan ternyata ruang antara rancangan bahasa semasa dengan program-program vokasional yang berpangkalankan kecekapan atau kompetensi perlu diberi perhatian. Dalam ertikata lain, sukanan pelajaran bahasa mestilah selari dengan keperluan program-program bahasa mereka supaya para pelajar dapat menggunakan bahasa dalam konteks kehidupan dan kerjaya terutamanya. Mereka mestilah melihat kerelevannya, kerana pendidikan tidak boleh bercirikan monolitik, sempit, elitist dan diskriminasi.

Justeru itu kajian ini menyarankan bahawa perlunya integrasi kurikulum bahasa Inggeris dengan kurikulum vokasional. Satu badan yang terdiri daripada wakil pengajar bahasa Inggeris dan pengajar vokasional, serta pelaksana polisi hendaklah berbincang untuk merancang satu kurikulum yang koheren. Kurikulum tersebut hendaklah diubah menggabungkan dan mengintegrasikan sukanan bahasa dengan sukanan vokasional berdasarkan prinsip pedagogi refleksi dan pendekatan pluriliterasi.

Pluriliterasi melihat literasi sebagai gabungan antara kepelbagaiannya kemahiran bahasa dan budaya yang menggambarkan amalan-amalan masyarakat majmuk. Menurut The New London Group (1996) dan Koo Yew Lei et al. (2006) untuk menjadi ahli masyarakat ini, setiap individu hendaklah memiliki kemahiran berfikir dan melaksanakan (yang mana termasuklah kelakuan, penulisan atau penuturan) didalam kumpulan tersebut. Mereka hendaklah menghasilkan teks-teks komunikatif yang mana diterima oleh pihak yang berwajib bagi kumpulan-kumpulan ini. Sebagai contoh, para guru dan pakar didalam kumpulan komuniti ini. Pluriliterasi melihat literasi sebagai berunsurkan politik dan bertindak didalam soal perjuangan kuasa dan mempunyai kaitan diantara kumpulan sosial yang mempunyai pembezaan akses untuk kebendaan, linguistik dan simbolik kuasa. Para individu yang terlibat didalam subjek yang wujud adalah amalan-amalan komuniti seperti politik kuasa dan pengiktirafan. Para individu dan ahli didalam konteks sosial ini adalah

berbeza jika diukur daripada modal budaya dan dalam soal akses mereka untuk amalan komuniti seperti kumpulan-kumpulan vokasional.

Kerangka kerja pluriliterasi memerlukan para peserta menjadi kritikal dan menyedari konteks politik sosial dan sosiobudaya teks-teks itu bahawa mereka adalah menulis atau bertutur didalam konteks. Rangka kerja itu adalah direkabentuk untuk menimbulkan kesedaran kritikal serta kerumitan-kerumitan bagi politik sosial dan faktor-faktor kebudayaan yang sering dipandang ringan dan/atau tidak kelihatan dalam peristiwa-peristiwa kenal huruf maupun interaksi. Adalah diharapkan bahawa melalui perspektif pluriterasi, golongan yang ingin memasuki amalan-amalan komuniti seperti vokasional, amatlah diharapkan dapat menimba ilmu pengetahuan dan akses kepada literasi-literasi utama. Mereka juga hendaklah berada dikalangan amalan komuniti yang sama dan diharapkan dapat merubah liteasi-literasi yang sedia ada. Berkenaan peranan ini, para guru literasi hendaklah mencari dan mengenalpasti kaedah-kaedah merapatkan tahap jurang kemasukan golongan lemah dengan golongan yang mahir/pakar didalam teks yang berhasrat untuk memasuki golongan kumpulan vokasional ini. Para pelatih vokasional seharusnya dibiasakan dengan aspek-aspek linguistik dan kod-kod kebudayaan didalam proses pembelajaran mereka. Ini termasuklah kecekapan berbahasa Inggeris, kenal huruf media dan celik huruf maklumat (maklumat capaian melalui atas talian).

Pendekatan pedagogi refleksif untuk pluriliterasi perlu diimplementasikan berpandukan rekabentuk kurikulum yang berasaskan tiga prinsip pengajaran dan pembelajaran yang seperti diuraikan dibawah.

### **Prinsip 1**

Prinsip pertama bagi rekabentuk kurikulum literasi ialah tugas pembelajaran yang terpilih mestilah mempunyai kaitan secara terus dengan aktiviti-aktiviti vokasional yang dijalankan, dimana ianya berdasarkan daripada aspek-aspek yang berkaitan dengan persekitaran atau pengalaman pelatih tersebut. Bahasa, literasi dan numerasi seharusnya dilaksanakan didalam konteks persekitaran atau pengalaman individu terbabit.

### **Prinsip 2**

Prinsip kedua melibatkan rekabentuk kurikulum yang bagus, dimana berintegrasikan sukan yang berkaitan dengan latihan vokasional, yang mana berlainan secara signifikasinya, dan perbezaan yang wujud ini hendaklah diambil kira dalam mereka bentuk latihan vokasional.

Untuk bertindak atas prinsip ini, perekam kurikulum bahasa (bersama-sama dengan guru kelas) keperluan untuk meluangkan masa dengan pelajar-pelajar vokasional serta para guru / pekerja yang menjalankan tugas-tugas sebagai sebahagian daripada pembelajaran mereka. Ianya merangkumi tugas-tugas, dengan satu tumpuan khusus untuk mengenal pasti bahasa, literasi dan tugas aktiviti-aktiviti, serta isu dalam tugas vokasional. Adakah tugas mereka tidak mencukupi? Adakah mereka memerlukan satu tempoh lebih panjang untuk menjalankan tugas-tugas berikut? Adalah mereka selesai dengan orang, teks-teks, dan sumber-sumber lain? Bagaimanakah mereka disepadan dengan sumber

tempat kerja teks dan dokumen-dokumen? Adakah mereka betindak secara berkumpulan atau bersendirian?

### **Prinsip 3**

Prinsip ketiga bagi rekabentuk kurikulum yang baik ialah komitmen untuk memberikan akses dan ekuiti dengan lebih menyeluruh, iaitu faktor-faktor kelas. Perbezaan kelas-kelas sosial membawa bersama kelas budaya yang berlainan. Kelas sosial dapatlah dikaitkan dengan peluang-peluang pendidikan dan profesi atau pekerjaan individu yang terbabit. Hazita Azman (2006) telah menekan faktor peluang atau akses kepada literasi bahasa Inggeris dan penggunaan teknologi yang mustahak dalam era globalisasi ini masih terhad bagi belia luar bandar dan menyebabkan jurang dengan belia bandar serta dunia luar berkekalan. Tambahnya lagi jurang yang sama akan wujud antara belia yang menerima latihan vokasional dengan belia yang mempunyai peluang melanjutkan pendidikan ke institusi pengajian tinggi. Keadaan ini akan lebih kritikal sekiranya seorang belia itu adalah dari luar bandar dan hanya berpeluang menerima latihan vokasional. Maka adalah imperatif suatu transformasi kepada kurikulum latihan vokasional perlu ditujuhkan.

### **Kesimpulan**

Akhir kata adalah diharapkan persoalan penyelidikan baru yang timbul akibat dari dapatan kajian yang dilaporkan dapat terus dikaji bagi menilai setakat mana kecekapan berbahasa Inggeris dapat dicapai dengan menggunakan rangka kerja Multiliterasi dan Pluraliterasi yang telah dicadangkan.

Sebagai institusi pendidikan, Institut Kemahiran Latihan Belia adalah bertanggungjawab untuk memberikan perubahan secara menyeluruh untuk memberikan jalan serta kesaksamaan kepada para belia dari golongan kritis (terdiri dari mereka yang tercincir dari sistem pendidikan formal atau arus perdana) - kerana mereka juga adalah merupakan masa depan negara. Perkara ini adalah lebih genting apabila kebanyakannya daripada para belia ini terdiri daripada belia dari kawasan pedalaman. Kekurangan bantuan dan sokongan perlu diatasi supaya golongan kritis diberi hak saksama untuk membina jati diri dan membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan negara dan dunia. Sudah semestinya, komitmen yang jitu diperlukan tanpa mengira jantina, kedudukan, etnik, fahaman, agama dan kerohanian.

### **Rujukan**

- Ambigapathy, P. (1999). *Global literacy vision revisions and vistas in education*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Cope, B. & Kalantzis, M. (2005). *Learning by design*. Australia: Common Ground Publications.
- Commonwealth Youth Ministers Meeting. (2003). Commonwealth youth program, strategic plan 2003-2006. Gaborone, Botswana. 27-30 May.
- Dasar Pembangunan Belia Negara. (1997). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia..
- Hazita Azman. (2006). English language in rural Malaysia: Situating global literacies in local practices. *3L Journal of Language Teaching, Linguistics and Literature*, 11, 99-120.
- Hazita Azman, Siti Hamin Stapa, Jamilah Mustafa, Tg Nor Rizan Tg Mohd Maasum, Kalthum Ibrahim, Zaini Amir, Norwati Md Yusof, & Noraza Zabidi. (2007). Peranan Pusat E-Komuniti terhadap pembangunan kemahiran e-literasi dikalangan warga belia luar bandar. *Kertas persidangan kolokium e-komuniti, Pusat Kecemerlangan e-Komuniti, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM*.
- Kementerian Sumber Manusia, (1993). Jabatan Kemahiran Pembangunan, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).
- Koo Yew Lie. (2007). The Politics of Cultural Production and Meaning-making in ELT: Exploring A Reflexive Pedagogy of Pluriliteracy in Higher Education (HE). Cited in Zailan Moris, Hajar Abdul Rahman & Shakila Abd. Manan (Eds). *Higher education in the Asia Pacific: Emerging trends in teaching and learning* (pp. 234-257). Penang: IPPTN and (USM) Press.
- Koo Yew Lie & Hazita Azman. (2006). *Language and communication literacies: Transforming Malaysian youth @ 21<sup>st</sup> century through vocational training programmes*. Laporan Akhir Projek Penyelidikan. UKM. Penyelidikan IPPBM-KBS/1/00/0016-6.
- Koo Yew Lie, Kell, P., & Wong Fook Fei. (2006). Situating language and literacy: Theory and practices @ 21<sup>st</sup> century. (pp. 1-12). School of Language Studies and Linguistics/PPBL. Bangi: UKM.
- Koo Yew Lie, Lee King Siong, Hazita Azman, & Noorizah Mohd Noor (eds). (2007). *New times, new literacies: Transforming realities in ELT for local-global learning and citizenship*. In Transforming learning realities in the ELT world. 13-20. Malaysia: Pearson Publications.
- P21-Partnership For 21<sup>st</sup> Century Skills. (2004), Framework for 21<sup>st</sup> century learning, Eluminategroup, Tuscon, Arizona. (Online) Retrieved 14 July 2009, from <http://www.21stcenturyskills.org>

Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd. Yasin, & Hamdan Mohd Ali. (2003). Integrasi Akademik dan Vokasional : Rasional dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan*, 28, 77-90.

The New London Group. (1996). A pedagogy of multiliteracies: Designing social futures. *Harvard Educational Review*, Vol. 66, (1), 60-92.

Unit Jabatan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010, Putrajaya, Malaysia.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2006). (Online) Retrieved 14 July 2009, from <http://www.unesco.org/en/youth>.

## Penulis

Koo, Yew Lie (Ph.D) ialah Profesor Madya yang sedang berkhidmat di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menyelidik, mengajar, menyelia dan menerbit dalam lapangan bahasa, budaya dan literasi di Pusat Pengajian Tinggi. Beliau juga merupakan seorang fello di Institut Penyelidikan Pengajian Tinggi Negara (IPPTN) iaitu pusat pakar rujuk untuk KPT di USM.

Hazita Azman (Ph.D) ialah Profesor Madya Linguistik Terapan di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik dan Timbalan Dekan Pengajian Siswazah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah mengkaji dan menerbitkan dalam pelbagai bidang yang melibatkan polisi bahasa, Teknologi Maklumat dan maklumat literasi, literasi dalam penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa Kedua, tafsiran literasi, serta literasi belia luar bandar dan literasi tempat kerja abad ke-21.